
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005

Oktober 2004

PGT 224 – Kaedah Mengajar Sejarah 1

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

ARAHAN :

Jawab **EMPAT (4)** soalan semuanya. Jawab **soalan nombor 1** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain.

Jika calon menjawab lebih daripada tiga soalan pilihan, hanya tiga soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Jawab **soalan nombor 1** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain.

1. 'Terdapat pelbagai pandangan tentang peranan mata pelajaran Sejarah dalam kurikulum sekolah'.

Bincangkan sekurang-kurangnya **LIMA (5)** sebab mengapa mata pelajaran sejarah diajar di negara kita.

(25 markah)

2. Sediakan catatan ringkas tentang kepentingan perkara berikut:

a) Rancangan Persediaan Harian

(8 markah)

b) Tujuan kajian Sejarah Tempatan (kerja kursus)

(8 markah)

c) Penggunaan Alat Bantu Mengajar untuk pengajaran Sejarah

(5 markah)

3. Huraikan langkah-langkah pelaksanaan kaedah inkuiri melalui pendekatan induktif dalam pengajaran Sejarah Tingkatan Dua.

(25 markah)

4. Unsur dan tingkah laku patriotisme adalah salah satu objektif yang difokuskan dalam Kurikulum Sejarah (Semakan 2000). Bagaimanakah guru Sejarah dapat memupuk unsur tingkah laku patriotisme dalam kalangan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

(25 markah)

5. Institusi seperti Arkib dan Muzium banyak menyumbang kepada pengajaran dan pembelajaran Sejarah di negara ini.

Pilih **LIMA (5)** jenis institusi/organisasi/sumber dan terangkan sumbangan institusi/organisasi/sumber berkenaan kepada pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

(25 markah)